

Kepada : **Semua Warga KPM Ayer Molek**

Daripada : **Pengarah Kolej Profesional MARA Ayer Molek**

Salinan Kepada :			Bilangan
Ruj. Kami : KPMAM.700-7/1/4(3)	Tarikh : 16 Disember 2024 14 Jamadilakhir 1446H	Rujuk Tuan:	Tarikh :

MAKLUMAN TATACARA PULANG BERMALAM / OUTING PELAJAR KPM AYER MOLEK (PINDAAN DISEMBER 2024)

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

2. Mesyuarat Pengurusan KPM Ayer Molek Bil. 6/2024 bertarikh 22 Oktober 2024 telah bersetuju untuk membuat pindaan kepada ketetapan waktu keluar dan waktu masuk pelajar-pelajar KPM Ayer Molek bagi tujuan pulang bermalam (Jumaat hingga Ahad) atau *outing* (Isnin hingga Ahad) **berkuatkuasa daripada tarikh memo ini dikeluarkan**. Ketetapan baharu tersebut adalah seperti berikut:

Kumpulan Pelajar	Hari	Waktu Keluar	Waktu Masuk
Semua pelajar	Isnin hingga Khamis	7.00 pagi	9.00 malam
Siswi (yang tiada usrah)	Jumaat	12.30 tengah hari	9.00 malam
Siswi (yang ada usrah) & Siswa	Jumaat	2.30 petang	9.00 malam
Semua pelajar	Sabtu, Ahad	7.00 pagi	10.00 malam
Semua pelajar	Hari Kelepasan Am (Isnin – Khamis)	7.00 pagi	9.00 malam

3. Semua pelajar juga dikehendaki mematuhi **prosedur keluar masuk kolej** seperti berikut:

- i. Merekodkan maklumat keluar masuk (menggunakan **Sistem Resedia**) di pondok pengawal sebelum keluar dari kolej dan semasa kembali ke kolej.
- ii. Pakaian untuk pulang bermalam / *outing* mestilah **menutup aurat (pelajar Muslim)** dan **sopan (bukan Muslim)**.
- iii. Pelajar boleh mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Ketua Felo / Felo Bertugas sekiranya ada keperluan untuk keluar/masuk selain daripada dalam tempoh yang dibenarkan (**sekiranya tidak melibatkan waktu kuliah**).
- iv. Pelajar perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Pengarah/ TPHEP/ TPHEA sekiranya ada keperluan untuk keluar/masuk selain daripada dalam tempoh yang dibenarkan (**sekiranya melibatkan waktu kuliah**).

- v. Pelajar siswa dan siswi yang **bukan muhrim** (sama ada berdua-duaan atau berkumpulan) **tidak dibenarkan** keluar/masuk kolej dengan menaiki kenderaan yang sama.
 - vi. Perkhidmatan teksi atau *e-hailing* hanya dibenarkan sehingga di pintu masuk kolej sahaja.
 - vii. Perkhidmatan penghantaran makanan seperti *Food Panda/Grab Food* di pintu masuk kolej hanya dibenarkan mulai jam **8.00 pagi hingga 10.30 malam sahaja (Isnin hingga Ahad)**.
 - viii. Ibu bapa/penjaga dibenarkan untuk mengambil atau menurunkan pelajar di kawasan parkir yang dibenarkan sahaja dan tidak dibenarkan untuk memasuki blok asrama tanpa kebenaran pihak pengurusan kolej.
 - ix. Kebenaran keluar/masuk ini juga tertakluk kepada sebarang arahan dari semasa ke semasa daripada pihak pengurusan kolej.
4. Kegagalan pelajar untuk mematuhi prosedur keluar masuk merupakan suatu pelanggaran disiplin kolej dan tindakan tatatertib boleh diambil mengikut ketetapan buku peraturan tatatertib yang sedang berkuatkuasa.
5. Dengan pindaan ini, memo Makluman Tatacara Pulang Bermalam / *Outing* Pelajar KPM Ayer Molek [No. Rujukan: KPMAM.700-7/1/4(2)] bertarikh 26 Julai 2023 adalah terbatal. Kerjasama semua berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



MASHITOH BINTI MUSA
Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar
b.p. Pengarah
Kolej Profesional MARA Ayer Molek
Melaka

s.k. : Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik
Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan
Ketua Felo
Ketua JK Disiplin Kolej
Syarikat Keselamatan